

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA :TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 28 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8225

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan ROS terhadap Parti DAP dan bilakah permohonan cawangan-cawangan baru yang telah diserahkan kepada ROS dapat diluluskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) masih menjalankan siasatan menyeluruh terhadap *Democratic Action Party* (DAP) berikutan pemilihan semula yang telah dijalankan pada 29 September 2013.

Pada 3 April 2014, JPPM menerima surat daripada pihak DAP yang memohon semakan kehakiman ke atas tindakan yang diambil oleh JPPM. Pada 23 September 2014 pihak DAP telah menarik balik niat saman terhadap pihak JPPM di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pihak JPPM masih meneruskan siasatan terhadap parti DAP kerana pihak pengurusan parti tersebut masih belum mengambil tindakan seperti mana yang telah dinasihati oleh JPPM.